

Belia perlu perkasa ilmu

majukan negara - Abdullah

UM-2/6/2007.

Oleh HAMIMAH HAMID
Gambar HALIM KHALID



Yakin Boleh Gemilang!

GOLONGAN belia digesa supaya menyiapkan diri masing-masing dengan ilmu bagi membolehkan mereka menjadi 'tenaga raksasa' yang dapat membangunkan negara untuk tempoh 50 tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sebagai permulaan golongan yang rata-rata akan mencapai usia 30-an pada tahun 2020 dengan menjawat pelbagai jawatan dalam pentadbiran kerajaan dan swasta harus memastikan ketika itu Malaysia telah mencapai sasaran menjadi negara maju.

"Bukan sahaja tahun 2020, tetapi berusaha lebih lagi, terus berusaha dengan semangat yang kuat dengan segala kemampuan kita bagi mencapai banyak lagi kejayaan ketika negara mencapai usia 100 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Rakan Muda Fasa II di Kompleks Rakan Muda, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Liow Tiong Lai serta pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Rakan Muda yang dimulakan pada 1994 bertujuan membentuk generasi muda di antara umur 10-25 tahun dengan nilai murni, berfikiran positif dan menguasai pelbagai kemahiran.

Fasa II membabitkan

penjenamaan semula program itu termasuk memperkenalkan logo baru, meningkat bilangan gaya Rakan Muda daripada sembilan kepada 12 jenis serta melakukan pemantapan terhadap pendekatan dan pengisian aktiviti.

Tiga gaya baru yang ditambah ialah Rakan Sukarelawan, Wawasan Desa dan Jiran Muda.

Menurut Abdullah, beliau yakin para belia mampu mencapai harapan besar itu kerana mereka kini mewarisi kejayaan pembangunan ekonomi, politik dan sosial berbanding generasi muda terdahulu yang terpaksa bersusah payah kerana perlu memulakan semuanya daripada sifar.

"Anak muda kini mewarisi kejayaan yang telah dicapai yang berbeza dari dahulu dan mereka mempunyai banyak peluang untuk menuntut ilmu di peringkat universiti melalui program Rakan Muda dan juga menerusi penglibatan dalam pertubuhan-pertubuhan belia.

"Saya harap peluang ini digunakan untuk menambah nilai, yang elok dipereleokkan, yang bermutu ditambah mutu dan yang



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Azalina Othman Said, Liow Tiong Lai (kiri) dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Shamsul Anuar Nasarah menunjukkan isyarat bagus sempena pelancaran logo Rakan Muda di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

cemerlang dijadikan gemilang dan seterusnya terbilang," katanya.

Dalam pada itu, Abdullah juga mahukan kecemerlangan dicapai dalam bidang sukan untuk berjaya di peringkat antarabangsa dan bukannya sekadar menjadi jaguh kampung atau juara di peringkat daerah sahaja.

"Adalah sangat besar nikmat untuk menjadi generasi muda di Malaysia kerana terdapat banyak peluang yang ditawarkan, bukan sahaja untuk berjaya di peringkat nasional malah juga di arena antarabangsa," ujarnya.

Kata Abdullah, beliau juga mahu pelajar yang menuntut di luar negara cemerlang dalam bidang akademik dan golongan belia yang terlibat dalam persidangan di peringkat dunia menonjolkan diri masing-masing.

Sementara itu, Azalina turut meminta golongan belia supaya bersedia dan berminat untuk bersama-sama memantapkan lagi pengisian aktiviti Rakan Muda agar lebih fokus dan menyeluruh.

"Golongan belia merupakan satu aset penting bagi negara. Oleh yang demikian, agenda untuk

meletakkan Rakan Muda sebagai salah satu aktiviti utama dan penjana generasi muda pasti dapat direalisasikan dengan sokongan semua pihak.

"Dengan usaha yang jitu dan objektif yang betul, diharapkan pelaksanaan program Rakan Muda ini dapat menjadi batu loncatan untuk mendekatkan diri dengan golongan belia dan memenuhi cita rasa mereka," katanya.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 20,000 belia itu, Azalina telah melakukan aksi *flying fox* untuk membawa logo baru Rakan Muda.